

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
**KAWASAN :** JASIN  
**TARIKH :** 10 OGOS 2017  
**NO. SOALAN :** 31

**SOALAN**

DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan impak dasar baharu Beijing yang menyekat keluar Yuan, khususnya ke atas pelaburan di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaburan langsung asing dari negara China ke Malaysia terus menunjukkan peningkatan yang positif walaupun negara China mengenakan peraturan yang lebih ketat ke atas aliran wang di luar negara sejak akhir tahun 2016.

Negara China merupakan antara lima negara yang mencatatkan pelaburan langsung asing tertinggi di Malaysia. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, pada tahun 2016, jumlah pelaburan langsung asing dalam sektor perkilangan yang diluluskan dari negara China adalah sebanyak RM4.8 bilion. Ini

merupakan peningkatan sebanyak 153 peratus dari jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2015 (RM1.9 bilion). Pelaburan tersebut melibatkan 33 projek dan dijangka menjana 10,147 peluang pekerjaan. Dalam tempoh Januari - April 2017 pula, Malaysia telah meraih pelaburan sebanyak RM23 juta dari negara China. Industri-industri yang menjadi tumpuan pelabur dari China adalah:

- mesin dan kelengkapan;
- kimia dan produk kimia;
- produk logam asas;
- produk mineral bukan metalik;
- tekstil dan produk berasaskan tekstil;
- produk elektrik dan elektronik; dan
- kelengkapan pengangkutan.

Berdasarkan jumlah pelaburan asing tersebut, ianya jelas bahawa sekatan aliran keluar Yuan yang dilaksanakan oleh kerajaan negara China tidak menjelaskan pengaliran pelaburan langsung China ke Malaysia.

Duta Besar China ke Malaysia, Dr Huang Huikang telah turut memberi penjelasan semasa satu lawatan kerja ke Taman Industri Malaysia-China Kuantan pada 15 Mac 2017. Antara lain beliau menerangkan bahawa negara China hanya memperkenalkan beberapa langkah mengukuhkan kawalan kewangan dan pengaliran keluar modal daripada negara China dalam usaha membanteras aktiviti pengubahan wang haram.

Beliau turut menegaskan bahawa kerajaan China tidak sesama sekali menyekat aliran modal dari syarikat dan rakyatnya yang ingin membuat pelaburan langsung ataupun pelaburan harta tanah ke luar negara, termasuk ke Malaysia. Kerajaan China sememangnya menggalakkan pelaburan-pelaburan ke luar negara selari dengan inisiatif “One Belt, One Road”.

Antara pelaburan terbaharu dari negara China ke Malaysia adalah melibatkan kerjasama DRB-HICOM Berhad (DRB-HICOM) dan Zhejiang Geely Holding Group (Geely Holding) yang merupakan rakan strategik PROTON Holdings Berhad (PROTON). Geely Holding telah membeli sebanyak 49.9 peratus saham PROTON. Melalui kerjasama ini, PROTON mendapat akses kepada pelbagai platform serta enjin yang dibangunkan Geely Holding selain peluang menembusi pasaran baharu dengan lebih meluas termasuk pasaran Asia Tenggara.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, pelbagai inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memastikan pengaliran pelaburan langsung terus kukuh di Malaysia. Kerajaan terus komited dalam melaksanakan pelbagai aktiviti penggalakan pelaburan bagi menarik pelaburan ke dalam negara, ini termasuk mengukuhkan hubungan perdagangan dan pelaburan dengan negara China, bagi menarik kemasukan pelaburan langsung yang akan memanfaatkan pembangunan ekonomi negara.